

2 negara terus bincang isu air, sempadan maritim, ruang udara

Penyelesaian tuntutan perlu bersifat 'menang-menang' untuk Malaysia, Singapura

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia dan Singapura bersetuju meneruskan perbincangan mengenai beberapa isu yang lama berlarutan seperti pembekalan air, persempadanan maritim dan ruang udara dengan sasaran 'menang-menang' bagi kedua-dua negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata sehubungan itu, pasukan teknikal akan membincangkan perkara berkenaan parameternya.

"Ini adalah isu yang rumit dan

sudah tentu, seperti dinyatakan oleh Perdana Menteri (Singapura) Lawrence Wong, pendekatan kita adalah untuk menanganinya secara menyeluruh atau holistik.

"Ia supaya beberapa perkara yang dituntut Singapura dan beberapa yang dituntut oleh Malaysia, dipertimbangkan sepenuhnya dan penyelesaian akhir haruslah berada pada situasi 'menang-menang'," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media bersama Lawrence Wong selepas mesyuarat delegasi sempena Pemukiman Pemimpin Ke-11, di sini semalam.

Anwar berkata, isu lama itu tidak seharusnya mengganggu sikap positif kedua-dua negara terhadap kerjasama dalam perkara asas seperti ekonomi, tenaga, digital, pelaburan dan perdagangan.

"Rundingan ini sudah berlangsung selama beberapa dekad, jadi saya tidak fikir kita perlu menunggu beberapa dekad lagi. Kita sentiasa boleh menyelesaikannya, tidak semestinya menunggu

sehingga pertemuan tahunan yang seterusnya.

"Kami bersetuju kita harus mengadakan pertemuan ringkas untuk menyemak semula perkara ini dan dengan cara itu pasukan teknikal serta pakar kita dapat menanganinya dengan segera," katanya.

Anwar berkata, beliau dan Wong turut membincangkan isu Flight Information Region (FIR), mengiktiraf keperluan Malaysia dari segi perhubungannya dengan Sabah dan Sarawak, pada masa sama, keperluan Singapura untuk memastikan prestasi dan aktiviti di Changi dan Selangor tidak terjejas dan akan dipermudahkan lagi.

Selain itu, beliau berkata, eksport tenaga elektrik Sarawak ke Semenanjung dan Singapura turut dibincangkan dengan rakan sejawatannya itu.

Bincang secara holistik

Sementara itu, Wong berkata, isu yang dibincangkan itu sudah lama berlarutan dan bersifat amat kompleks, namun kedua-dua pi-

hak akan terus membincangkannya secara holistik dan konstruktif dalam konteks keseluruhan perhubungan yang lebih luas.

Katanya, beliau dan Anwar komited sepenuhnya untuk mengadakan perbincangan dengan niat baik, secara konstruktif, dan semua isu berkenaan akan dibincangkan secara holistik untuk memastikan perkara yang belum selesai itu tidak menjejaskan hubungan Singapura-Malaysia.

"Itulah sebabnya kita masih boleh bergerak ke hadapan dalam projek menang-menang yang positif seperti Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) dan Sistem Transit Rapid (RTS) Johor Bahru-Singapura. Kami tidak mahu isu-isu ini, walaupun mungkin terdapat perbezaan pandangan, kita tidak mahu ia menjejaskan projek positif yang boleh kita lakukan bersama," katanya.

Beliau berkata, isu itu amat kompleks, tetapi kedua-dua pihak sudah capai sedikit kemajuan, tetapi memerlukan sedikit masa untuk menyelesaikannya.

Selain itu Wong berkata, Singapura menyokong kepemimpinan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN tahun ini, kerana ia penting untuk setiap anggota menjadi lebih bersepadu dan bersatu.

"Persaingan yang lebih besar kita hadapi kini adalah antara kita dalam kalangan ASEAN dan pihak di luar rantau ini. Semua orang sedang berusaha menarik projek besar, di mana ekonomi besar projek besar berada dekat dengan mereka.

"Oleh itu, ASEAN perlu bersatu untuk mencari cara memperkukuhkan (kerjasama) dalam kalangan negara anggota," katanya.

Beliau berkata, Malaysia dan Singapura boleh membentuk asas penting untuk ASEAN yang lebih kukuh dan itu antara sebab pengumuman zon ekonomi khas (SEZ) menjadi blok binaan penting ke arah ASEAN yang lebih bersepadu.

"Kami berharap dengan kepemimpinan Malaysia (dalam ASEAN), kita dapat mencapai kemajuan yang lebih baik," katanya.